

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

HIA 101 – Pengantar Pengajian Islam

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja. **DUA [2]** soalan daripada Bahagian A dan **DUA [2]** soalan daripada Bahagian B. **SEMUA** soalan membawa markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Huraikan kelebihan Islam sebagai al-Din daripada aspek-aspek berikut:
 - [a] Kesesuaian dengan fitrah kejadian manusia.
 - [b] Kesempurnaan atau kesyumulan Islam.
2. Huraikan pengertian 'Aqidah Islamiyyah dan keistimewaan-keistimewaan 'Aqidah Islamiyyah.
3. Bincangkan **TIGA [3]** daripada perkara-perkara berikut:
 - [a] Definisi al-Quran.
 - [b] Al-Quran sebagai dasar utama 'aqidah Islamiyyah.
 - [c] Definisi al-Sunnah.
 - [d] Al-Sunnah sebagai dasar utama 'aqidah Islamiyyah selepas Al-Quran.
 - [e] Pengertian syirik dan bahagian-bahagiannya.

...2/-

BAHAGIAN B

4. Al-Qur'an adalah sumber rujukan utama Umat Islam. Di dalamnya mengandungi pelbagai pengajaran yang bertujuan memimpin manusia ke jalan yang benar. Berdasarkan pernyataan ini bincang **DUA** [2] daripada perkara-perkara berikut:
- [a] Kepentingan syari'at sebagai undang-undang Ilahi yang meliputi semua sistem kehidupan umat.
 - [b] Akibat dan risiko yang akan diterima oleh golongan yang menolak syari'at Allah.
 - [c] Pelaksanaan Undang-undang Islam di semua aspek kehidupan adalah berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah.
5. Islam mendukung konsep Ibadah yang amat luas. Salah faham masyarakat terhadap konsep ini membawa kepada kepincangan hidup yang berterusan. Berdasarkan pernyataan ini bincangkan **DUA** [2] daripada perkara-perkara berikut:
- [a] Solat adalah ibadah yang memantau peribadi muslim yang unggul.
 - [b] Aktiviti sosial yang menjurus ke arah pembinaan dan pembentukan Akhlak Islamiyah.
 - [c] Hubungan sesama manusia (Hablu min-al-Nas) adalah satu aspek dari perundangan Islam yang amat penting.
6. Berdasarkan kefahaman anda terhadap konsep fardu kifayah di dalam ajaran Islam, bincangkan secara umum perkara-perkara berikut:
- [a] Ekonomi dan pendidikan.
 - [b] Beberapa aspek ibadah yang dikategorikan sebagai fardu kifayah.